

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-18

NOTIS DENGAN INI DIBERI BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-18 BIMB Holdings Berhad ("BHB" atau "Syarikat") akan diadakan di Dewan Bankuet 2, Aras B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Khamis, 14 Mei 2015 pada jam 10.00 pagi untuk tujuan berikut:

URUSAN BIASA

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 61, Tataurusan Penubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula: **(Resolusi Biasa 2)**
 - (a) Tan Sri Samsudin bin Osman **(Resolusi Biasa 3)**
 - (b) Datuk Rozaida binti Omar
3. Untuk memilih semula Dato' Johan bin Abdullah, Pengarah yang bersara menurut Artikel 66, Tataurusan Penubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dipilih semula. **(Resolusi Biasa 4)**
4. Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan resolusi berikut menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965: **(Resolusi Biasa 5)**

"BAHAWA Encik Zahari @ Mohd Zin bin Idris, yang akan bersara menurut Seksyen 129, Akta Syarikat, 1965 dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk menjawat jawatan sehingga berakhirnya AGM Syarikat yang akan datang."

(Resolusi Biasa 6)
5. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah RM1,243,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. (RM1,111,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013). **(Resolusi Biasa 6)**
6. Untuk melantik semula Tetuan KPMG Desa Megat & Co. sebagai Juruaudit Luar Syarikat sehingga berakhirnya AGM akan datang dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 7)**

URUSAN KHAS

7. Pengekalan Pengarah Bebas. **(Resolusi Biasa 8)**

Untuk mengekalkan Datuk Zaiton binti Mohd Hassan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat menurut Cadangan 3.3 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.
8. Cadangan Mandat Pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang berbentuk Pendapatan atau Perdagangan. **(Resolusi Biasa 8)**

"BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Tataurusan Penubuhan Syarikat serta Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad kelulusan dengan ini diberikan kepada BIMB Holdings Berhad dan anak syarikatnya untuk melaksanakan kategori urus niaga berulang pihak berkaitan yang berbentuk pendapatan atau perdagangan dengan pihak berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2.1.3 Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 21 April 2015 yang perlu untuk operasi harian Kumpulan dengan tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

 - (a) Urus niaga yang dijalankan adalah dalam urusan biasa perniagaan dan berdasarkan terma perdagangan biasa yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan daripada orang awam;
 - (b) Tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti Syarikat; dan
 - (c) Akan dikemukakan dalam laporan tahunan dengan perincian nilai agregat urus niaga yang dibuat sepanjang tahun kewangan menurut mandat pemegang saham semasa tahun kewangan tersebut ("Mandat").

Dan bahawa Mandat yang diberikan melalui resolusi ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta sebaik sahaja Resolusi ini diluluskan;
Dan bahawa Mandat tersebut akan terus berkuat kuasa sehingga:

 - (i) berakhirnya AGM Syarikat akan datang, bilamana ia akan luput, melainkan kuasa tersebut diperbaharui melalui satu resolusi yang diluluskan pada mesyuarat tersebut;
 - (ii) tamatnya tempoh selepas tarikh AGM yang berikutnya perlu diadakan menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak sehingga ke suatu lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau
 - (iii) dibatalkan atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham pada suatu mesyuarat agung.

tertakluk kepada yang mana lebih awal."

(Resolusi Biasa 9)
9. Cadangan pembaharuan kuasa bagi mengumpul dan menerbitkan saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham dalam BHB ("Saham BHB"), untuk tujuan Pelan Pelaburan Semula Dividen ("DRP") Syarikat yang memberikan para Pemegang Saham BHB ("Pemegang Saham") pilihan untuk melabur semula dividen tunai mereka dalam Saham BHB yang baharu "BAHAWA menurut DRP seperti yang diluluskan oleh Pemegang Saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 27 Oktober 2014 dan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan (sekiranya ada), kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Syarikat untuk mengumpul dan menerbitkan sejumlah Saham BHB yang baharu dari semasa ke semasa sebagaimana perlu dikumpulkan dan diterbitkan menurut DRP sehingga berakhirnya AGM berikutnya mengikut syarat dan peraturan dan kepada mereka yang tertentu, sepertimana yang dijangka sesuai mengikut budi bicara tunggal dan mutlak para Pengarah Syarikat dan demi kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga terbitan Saham BHB yang baharu tersebut hendaklah ditetapkan oleh para Pengarah berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran ("VWAP") selama lima (5) hari pasaran terlaras Saham BHB sebelum sahaja tarikh penetapan harga, selepas mengenakan diskaun tidak lebih daripada 10%, yang mana VWAP hendaklah dilaraskan tanpa dividen sebelum mengguna pakai diskaun tersebut dalam menetapkan harga terbitan dan harga terbitan itu tidak boleh kurang daripada nilai tara Saham BHB;

DAN BAHAWA para Pengarah dan Setiausaha Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan semua tindakan dan melaksanakan semua urus niaga, pengaturan, surat ikatan, perjanjian dan dokumen yang mungkin diperlukan atau wajar untuk menguatkuasakan sepenuhnya DRP dengan kuasa penuh untuk bersetuju terhadap apa-apa syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan yang sebagaimana mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa berkaitan (jika ada) atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan, oleh para Pengarah, sepertimana yang dianggap sesuai mengikut budi bicara mutlak mereka, dan demi kepentingan Syarikat."

(Resolusi Biasa 10)
10. Untuk melaksanakan sebarang urusan biasa lain di mana notis sewajarnya telah diberikan selaras dengan Akta Syarikat 1965.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

MARIA BINTI MAT SAID (LS 0009400)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

21 April 2015

Nota:

1. Hanya ahli yang berdaftar dalam Rekod Pendeposit pada 7 Mei 2015 layak untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak sendiri/beliau.
2. Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat agung yang sama. Bilamana seorang ahli melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menetapkan kadar pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi.
3. Bilamana ahli syarikat merupakan nomini dibenarkan berkecuali yang memegang saham biasa dalam syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini dibenarkan berkecuali berhubung dengan setiap akaun omnibus yang dipegangnya. Nomini dibenarkan berkecuali merujuk kepada nomini dibenarkan yang ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA") yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
4. Surat cara pelantikan proksi hendaklah:
 - (i) dalam hal individu, ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya; dan
 - (ii) dalam hal sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh peguamnya atau oleh seorang pegawai bagi pihak perbadanan tersebut.
5. Semua borang proksi mestilah didepositkan ke Pejabat Berdaftar Syarikat, Tingkat 31, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau sebarang penagguhannya.
6. Nota Penjelasan:

6.1 Pengekalan Pengarah Bebas menurut Cadangan 3.3 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia

Datuk Zaiton binti Mohd Hassan

Datuk Zaiton telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BHB pada 2 Februari 2006. Setakat tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ke-18 BHB, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat selama lebih sedikit dari sembilan (9) tahun. Oleh yang demikian, Datuk Zaiton telah melebihi tempoh sembilan (9) tahun seperti yang dicadangkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012. Berdasarkan Penilaian Pengarah untuk tahun 2014, Lembaga telah membentuk pandangan kolektif dan bersetuju bahawa adalah penting untuk mengekalkan Datuk Zaiton sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Sepanjang tempoh sembilan (9) tahun dalam Syarikat, Datuk Zaiton telah memperlihatkan iltizam beliau terhadap Syarikat dan beliau memiliki rekod kehadiran yang bagus, sejajar dengan keperluan menghadiri mesyuarat Lembaga menurut Keperluan Penyenaraian dan BNM/GP1-i. Ini membuktikan dedikasi beliau dalam melaksanakan tanggungjawab yang diharapkan daripada seorang Pengarah Bebas.

Selain daripada cukup bersedia untuk setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga, Datuk Zaiton juga mengambil bahagian secara aktif dalam mempertimbangkan sebarang perkara pada mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Beliau diakui sebagai seorang yang teliti dan mempunyai pandangan yang analitis. Disertai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan, pengurusan risiko dan pengalaman lain yang diraih menerusi pelbagai jawatan kanan yang pernah disandang dalam industri kewangan, pandangan bebas, input dan sumbangan Datuk Zaiton adalah amat bernilai dan dihormati. Kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh Datuk Zaiton adalah amat berguna untuk perkembangan masa depan BHB dan anak syarikatnya.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, Datuk Zaiton telah mematuhi kriteria/keperluan 'Pengarah Bebas' serta keperluan lain yang dikemukakan dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Berdasarkan apa yang tersebut sebelumnya, Lembaga dengan sesungguhnya mencadangkan kepada para pemegang saham BHB untuk mengekalkan Datuk Zaiton sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada AGM ke-18 Syarikat.

6.2 Cadangan Mandat Pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang berbentuk Pendapatan atau Perdagangan

Untuk butiran lanjut mengenai Resolusi Biasa 9, sila rujuk kepada Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 21 April 2015.

6.3 Pelan Pelaburan Semula Dividen

Cadangan Resolusi Biasa 10 ini akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk mengumpul dan menerbitkan saham untuk Pelan Pelaburan Semula Dividen yang berkaitan dengan dividen yang akan diisytiharkan sehingga AGM yang berikutnya. Pembaharuan kuasa ini akan cuba didapatkan pada AGM.